A

PP

lwn.

MUHAMAD SAMRI HASHIM

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR STAR
ZAINAL ADZAM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-31-2006]
29 APRIL 2007

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kanun keseksaan - Seksyen 307 - Memandu secara bahaya dan menyebabkan kecederaan yang boleh membawa maut - Mangsa langgar seorang anggota polis - Pengakuan salah - Hukuman setimpal - 10 tahun penjara*

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Kesetimpalan - Memandu secara bahaya dan menyebabkan kecederaan yang boleh membawa maut - Hukuman lima tahun penjara - Sama ada terlalu ringan - Sama ada Hakim Sesyen khilaf dalam menimbang faktor-faktor relevan - Kanun Keseksaan, s. 307*

E Responden, dalam usaha untuk melarikan diri dengan sebuah kereta yang membawa beberapa jenis dadah berbahaya daripada pihak polis, telah merempuh mangsa, seorang anggota polis, dan mencederakannya, dan merempuh juga beberapa buah kereta lain yang diletak di bahu jalan di hadapan sebuah sekolah yang sesak F dengan kenderaan dan orang ramai. Berikutnya, responden dituduh dengan kesalahan di bawah s. 307 Kanun Keseksaan ('KK') kerana memandu secara bahaya dan menyebabkan kecederaan yang boleh membawa maut. Di Mahkamah Sesyen, responden mengaku bersalah dan hakim bicara, setelah mengambilkira antara lain G pengakuan salah responden dan fakta bahawa kecederaan yang dialami responden akibat kesan tembakan adalah lebih serius dari kecederaan yang dialami oleh anggota polis terbabit, telah menjatuhkan dihukum lima tahun penjara. Ini adalah rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman atas hujah bahawa hukuman H adalah tidak setimpal dan wajar diganggu oleh Mahkamah Tinggi.

Diputuskan (membenarkan rayuan dan menggandakan hukuman penjara):

I **(1)** Hakim Mahkamah Sesyen silap kerana mengambilkira perkara-perkara yang salah serta tidak mengambilkira perkara-perkara yang penting dalam kes ini. Pengakuan salah responden adalah dalam keadaan di mana dia sedar bahawa kesalahan telah

berlaku di hadapan saksi-saksi yang ramai. Oleh itu, kemungkinan responden membangkitkan apa-apa pembelaan dalam kes ini adalah amat tipis. Oleh yang demikian, pengakuan salah responden tidak boleh menjadi faktor untuk meringankan hukuman. (perenggan 4)

(2) Tindakan responden yang memandu secara merbahaya dengan tidak menghiraukan bahawa kawasan tersebut kawasan sesak dan dipenuhi murid-murid sekolah yang sudah keluar dari sekolah, tidak diambilkira oleh hakim bicara. Tindakan responden adalah amat ganas, kerana selain melanggar mangsa, dia juga melanggar beberapa kereta yang berada di kawasan tersebut mengakibatkan kerosakan kepada kereta-kereta tersebut. Dadah-dadah di dalam kereta juga patut diambilkira oleh hakim bicara kerana ia telah mengakibatkan responden bertindak dengan ganas. (perenggan 5)

(3) Hakim Mahkamah Sesyen salah kerana menganggap rekod sabitan responden (P7) sebagai tidak relevan kerana kesalahan-kesalahan dalam P7 adalah dari "jenis yang lain" dan oleh yang demikian menganggap responden sebagai pesalah pertama. Ini satu kesalahan ketara kerana ia seolah-olah memberi ganjaran kepada responden kerana melakukan kesalahan "jenis yang lain". Rekod sabitan-sabitan responden adalah bukti kukuh bahawa responden adalah seorang pesalah yang tidak insaf dan serik. Orang awam perlu dilindungi daripada tindakan-tindakan pesalah seperti responden. Selain itu, mahkamah harus memandang serius terhadap apa-apa tindakan yang mengancam pegawai-pegawai ketika menguatkuasakan undang-undang. Oleh yang demikian, hukuman lima tahun penjara diketepikan dan diganti dengan hukuman 10 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh tamatnya hukuman yang dijalankan sebelum kes ini. (perenggan 6, 7 & 9)

Kes-kes yang dirujuk:
Foo Poh Sang v. Lim Teik Cheong [2006] 4 CLJ 235 CA ***(dirujuk)***
PP v. Low Kok Wai [1988] 2 CLJ 105; [1988] 2 CLJ (Rep) 268 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, s. 307

Bagi pihak PP - Azhar Mokhtar TPR
Responden hadir sendiri

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

A

PENGHAKIMAN

Zainal Adzam H:

[1] Responden dalam rayuan ini telah dihadapi pertuduhan dibawah s. 307 Kanun Keseksaan seperti berikut:

B

> Bahawa kamu pada 7 Julai 2005 lebih kurang jam 6.40 petang, di hadapan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Keat Hwa (H), Jalan Kampung Perak, Alor Star, di dalam Daerah Kota Star, di dalam Negeri Kedah, telah melakukan sesuatu perbuatan iaitu memandu secara bahaya kereta Kancil No. Pendaftaran AED 9757, telah melanggar seorang anggota Detektif D/L/Kpl. 118794 Johari bin Othman dan menyebabkan kecederaan di kaki kanannya yang boleh membawa kepada kematian. Oleh yang demikian itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan.

C

D

[2] Fakta kes (P1) sepertimana dikemukakan oleh pihak pendakwaan di Mahkamah Sesyen adalah seperti berikut:

> Bertindak di atas satu maklumat dadah pada 7 Julai 2005 jam lebih kurang 6.40 petang, Insp. Saari b. Yaacob (pengadu) telah mengetuai sepasukan polis yang terdiri daripada D/SM 69343 Tahir, D/Kpl 71197 Ahmad, 96216 Zahari, D/L/Kpl. 68759 Sudin, D/L/Kpl. 118794 Johari dan D/L/Kpl. 131596 Salwa di mana pengadu dan pasukannya telah cuba menahan sebuah kereta jenis Perodua Kancil No. Pandaftaran AED 9759 warna perak yang dipandu oleh seorang lelaki Melayu (OKT) dan seorang penumpang yang juga seorang lelaki Melayu di hadapan bangunan Thandayuthapani, Jalan Putra, Alor Star, Kedah.
>
> Semasa pengadu dan anggota mengekori kereta tesebut, pengadu nampak kereta yang dipandu oleh OKT tersebut berhenti mengambil satu perempuan Melayu. Apabila menyedari kehadiran pengadu dan pasukannya, OKT terus memecut laju keretanya dan berlaku kejar-mengejar sehingga sampai di Jalan Hadapan Sekolah Rendah Kebangsaan (Persendirian) Keat Hwa Jalan Kampung Perak, Alor Star. Pada masa itu kereta Kancil tersebut telah terhalang oleh kenderaan-kenderaan orang ramai yang hendak mengambil anak-anak mereka di sekolah tersebut. Akibat dari itu, OKT telah melanggar beberapa kereta yang diletakkan di pinggir jalan itu tetapi masih tidak dapat bergerak keluar dari kesesakan di jalan tersebut.
>
> D/L/Kpl. 118794 dan D/Kpl. 96216 yang mengejar kereta tesebut telah pergi ke arah kereta OKT dan memperkenalkan diri sebagai polis. Walau bagaimanapun OKT enggan berhenti mahupun menyerah diri. Sebaliknya OKT telah memecut keretanya ke

E

F

G

H

I

hadapan dan ke belakang beberapa kali yang menyebabkannya melanggar beberapa kereta di hadapan dan di belakang termasuk pelajar-pelajar sekolah yang berada di luar kawasan sekolah. A

Dalam keadaan tersebut, L/Kpl. 118794 Johari (mangsa) cuba menyelematkan dan melindungi pelajar-pelajar yang pada masa itu keluar dari sekolah tersebut. Seterusnya OKT tanpa menghiraukan kewujudan mangsa dan orang-orang lain di situ, telah merempuh mangsa dengan menggunakan kereta Kancil tersebut yang dipandu secara laju. Walaupun mangsa cuba mengelak bahagian kanan hadapan kereta yang dipandu OKT telah melanggar bahagian kaki sebelah kanan mangsa yang menyebabkan ia terjatuh ke tepi jalan. Melihatkan OKT masih cuba melarikan diri dari situ, L/Kpl. 118794 Johari telah melepaskan tembakan ke arah kereta tersebut yang menyebabkan kereta OKT berhenti tidak jauh dari situ. B C

Pada masa yang sama, seorang lelaki Melayu penumpang kereta tersebut telah turun dari kereta dan cuba melarikan diri tetapi berjaya ditangkap oleh D/Kpl. 96216 Zahari. Hasil pemeriksaan ke atas lelaki Melayu dan merampas satu peket kecil serbuk dan ketulan disyaki dadah Heroin di dalam beg galas berwarna coklat yang dipegangnya. D

Pengadu kemudiannya telah pergi ke kereta tersebut untuk diperiksa. Pemeriksaan oleh pengadu mendapati OKT iaitu pemandu tersebut telah cedera terkena tembakan di bahu sebelah kanan. Pemeriksaan lanjut di dalam kereta telah dijalankan di hadapan ketiga-tiga suspek dan telah menjumpai satu bekas besi bertulis "Fail No. 666" bersticker Caltex di dalamnya mengandungi enam peket plastik lutsinar berisi serbuk berhablur jernih disyaki dadah jenis syabu dan satu peket plastik lutsinar berisi tumbuhan-tumbuhan kering disyaki ganja di tepi handbrake kereta tersebut. Turut dijumpai satu beg kain cap tangan berwarna hitam di dalamnya mengandungi satu bungkusan plastik warna merah/hijau bertulis 'Kopi O' 2 in 1. Di dalamnya mengandungi (5) peket plastik lutsinar dalamnya berisi serbuk dan ketulan kecil disyaki dadah heroin, dan satu peket plastic lutsinar dalamnya berisi (4) peket plastik lutsinar berisi serbuk hablur jernih disyaki dadah jenis syabu. Pengadu tangkap ketiga-tiga mereka termasuk OKT tersebut serta merampas semua barang kes. E F G H

[3] Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara lima tahun ke atas responden. Dalam menjatuhkan hukuman tersebut, Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambilkira beberapa perkara dalam alasan penghakimannya. Perkara-perkara tersebut, dengan ringkas adalah: I

A
1. Dadah yang telah dijumpa dalam kereta responden tidak diambilkira kerana responden dihadapkan di mahkamah lain untuk kesalahan dadah;

2. Pengakuan salah responden telah menjimatkan masa
B mahkamah;

3. Rekod sabitan responden (P7) menunjukkan kesalahan jenis yang lain. Oleh yang demikian responden diibaratkan sebagai pesalah pertama dalam kes ini; dan

C
4. Walaupun mangsa dicederakan, laporan perubatan (P3) menunjukkan kecederaan yang dialaminya amat ringan. Kecederaan tembakan ke atas responden lebih serius daripada kecederaan yang dialami oleh mangsa.

D **[4]** Setelah meneliti rekod rayuan dan mendengar penghujahan Timbalan Pendakwa Raya serta responden sendiri, saya dapati bahawa Hakim Mahkamah Sesyen dalam menjatuhkan hukuman telah membuat silap kerana telah mengambilkira perkara-perkara yang salah serta telah tidak mengambilkira perkara-perkara yang
E penting dalam kes ini. Pengakuan salah responden adalah dalam keadaan di mana dia sedar bahawa kesalahan telah berlaku di hadapan saksi-saksi yang ramai. Kemungkinan responden membangkitkan apa-apa pembelaan dalam kes ini amat tipis. Oleh yang demikian pengakuan salah oleh responden tidak boleh
F menjadikan faktor meringankan hukuman (*PP v. Low Kok Wai* [1988] 2 CLJ 105; [1988] 2 CLJ (Rep) 268). Kesalahan yang dilakukan oleh responden melibatkan dia mencuba melarikan diri daripada pihak polis yang sedang menguatkuasakan undang-undang. Responden tidak langsung ambil kira nyawa mangsa, seorang
G anggota polis yang telah memperkenalkan dirinya sebagai "polis" kepada responden. Responden sanggup melanggar mangsa untuk melarikan dirinya daripada ditangkap. Sebabnya adalah jelas kerana dia sedang membawa tiga jenis dadah dalam keretanya, iaitu, dadah-dadah syabu, ganja dan heroin.

H **[5]** Tindakan responden dalam memandu secara merbahaya juga tidak menghiraukan bahawa kawasan tersebut sesak kerana dalam kawasan sekolah dan murid-murid sekolah sudah keluar dengan ramai. Perkara-perkara ini tidak diambilkira oleh Hakim Mahkamah
I Sesyen. Malah tindakan responden amat ganas, kerana selain melanggar mangsa, dia juga melanggar beberapa kereta yang berada

di kawasan tersebut mengakibatkan kerosakan kepada kereta-kereta tersebut. Ini jelas dilihat daripada gambar-gambar yang dikemukakan ke mahkamah. Dadah-dadah dalam kereta responden patut diambilkira oleh Mahkamah Sesyen kerana ianya telah mengakibatkan responden bertindak dengan ganas. responden sudah tentu menyedari bahawa dia akan menghadapi pertuduhan-pertuduhan yang serius mengenai dadah-dadah yang dia bawa dalam kereta yang dipandunya.

[6] Hakim Mahkamah Sesyen salah kerana menganggapkan rekod sabitan (P7) responden tidak boleh diambilkira kerana kesalahan-kesalahan dalam P7 "jenis yang lain" dan oleh yang demikian menganggapkan responden sebagai pesalah pertama dalam kes ini. Perkara ini merupakan kesalahan Hakim Mahkamah Sesyen yang ketara kerana responden seolah diberi ganjaran kerana melibatkan dirinya dalam kesalahan-kesalahan "jenis yang lain". Rekod sabitan-sabitan responden adalah bukti kukuh bahawa responden merupakan seorang pesalah yang tidak insaf dan serik. Keadaan seperti ini jika dibenarkan akan memberi galakkan kepada pesalah-pesalah melakukan berbagai-bagai kesalahan "jenis yang lain" tanpa risau mengenai rekod sabitan mereka. Daripada P7, jelas responden merupakan pesalah yang tidak insaf atau kesal ke atas sabitan terdahulu. Hukuman-hukuman penjara terdahulu ke atasnya tidak menjadi pengajaran atau penghalang kepada responden melakukan kesalahan dalam kes ini. Orang awam perlu dilindungi daripada tindakan-tindakan pesalah seperti responden.

[7] Kecederaan kepada responden adalah akibat tingkahlaku responden sendiri yang cuba melarikan dirinya daripada ditangkap oleh pihak polis selepas responden bertindak secara ganas sehingga mencederakan mangsa serta mengancam nyawa mangsa. Responden tiada sebab yang sah untuk mencederakan mangsa yang menjalankan tugasnya dibawah undang-undang. Walaupun mangsa berdiri di hadapan kereta responden, dia masih tetap meneruskan dengan usahanya untuk melarikan diri dan semasa itulah mangsa dilanggar. Dalam kes ini mangsa merupakan seorang anggota polis yang tegas dan berani dalam menjalankan tugas dan kewajipannya. Mahkamah sepatutnya pandang serius apa-apa tindakan yang mengancam pegawai-pegawai dalam menguatkuasakan undang-undang. Jika tidak ianya akan menjejaskan semangat dan ketegasan pegawai-pegawai yang menguatkuasakan undang-undang yang terdedah kepada risiko-risiko seperti dalam kes ini.

A **[8]** Hakim Mahkamah Sesyen juga tidak mengambilkira bahawa pada masa berkenaan di tempat kejadian ada banyak kenderaan-kenderaan dan orang ramai yang hendak mengambil murid-murid sekolah dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Keat Hwa. Keselamatan orang-orang awam serta murid-murid sekolah langsung
B tidak diendahkan oleh responden dalam tingkah lakunya. Apabila dalam menggunakan kuasa budibicara seperti menjatuhkan hukuman Mahkamah Sesyen telah mengambilkira perkara-perkara yang salah atau telah tidak mengambilkira perkara-perkara yang penting atau relevan, hukuman tersebut patut diketepikan dan
C diganti dengan hukuman yang setimpal dengan mengambilkira perkara-perkara yang penting dan relevan tersebut (*Foo Poh Sang v. Lim Teik Cheong* [2006] 4 CLJ 235).

[9] Dalam kes ini saya dapati bahawa Mahkamah Sesyen telah
D gagal memberi keutamaan kepada kepentingan awam. Oleh yang demikian hukuman lima tahun penjara yang dikenakan kepada responden oleh Mahkamah Sesyen diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara 10 tahun mulai daripada tamatnya hukuman yang dijalankan sebelum kes ini (Kes 20-2-2007).

E

F

G

H

I